

**Sokongan Masyarakat Cina Terhadap BN Di Johor Masih Utuh - Nur Jazlan Bernama  
15 Januari, 2012**

JOHOR BAHARU, 15 Jan (Bernama) -- Masyarakat Cina di Johor akan tetap memberikan sokongan mereka kepada Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang berikutan kestabilan ekonomi yang berterusan di negeri ini, kata Anggota Parlimen Pulau Datuk Nur Jazlan Mohamed.

Beliau yang juga Pengerusi UDA Holdings Berhad berkata, dakwaan sokongan masyarakat Cina di Johor sudah beralih kepada pembangkang adalah tidak benar kerana ia hanyalah mainan pihak pembangkang yang ketandusan isu.

"Masyarakat Cina di Johor akan terus memberikan sokongan kepada BN kerana kestabilan ekonomi yang wujud di Johor, ditambah pula dengan kejayaan pembangunan Iskandar Malaysia," katanya selepas majlis penyampaian Bantuan Rakyat 1 Malaysia di sini, hari ini.

Nur Jazlan yang juga Ketua Umno Bahagian Pulau berkata demikian sebagai mengulas laporan portal berita baru-baru ini yang mendakwa kemungkinan pengundi Cina di Johor mengundi pembangkang pada pilihan raya umum akan datang.

Portal berita itu turut mendakwa, salah satu kawasan Parlimen di mana pengundi Cina dijangka beralih arah mengundi pembangkang adalah Pulau yang kini disandang oleh Nur Jazlan.

Katanya, hasil kajian yang dilaksanakan di Parlimen Pulau mendapati sokongan pengundi Cina terhadap BN masih utuh kerana masyarakat itu berkemampuan menilai sendiri projek pembangunan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa.

"Tiada sebab untuk masyarakat di sini beralih arah kerana mereka turut menikmati limpahan pembangunan yang berlaku di dalam Iskandar Malaysia, disamping keadaan keselamatan yang bertambah baik," katanya.

Menurut Nur Jazlan, jentera BN Parlimen Pulau telah bersedia untuk menghadapi pilihan raya umum ke-13 yang dijangka berlaku pada bila-bila masa.

Pada majlis berkenaan, seramai 200 orang yang berkecukupan daripada jumlah keseluruhan iaitu 2,794 orang menerima bantuan berkenaan manakala selebihnya akan menerima bantuan berkenaan secara berperingkat.

Katanya, pemberian BR1M ini merupakan salah satu daripada usaha kerajaan untuk meringankan bebanan masyarakat terutamanya golongan yang tinggal di kawasan bandar raya seperti di Johor Baharu.

Pada masa sama, beliau turut menggesa penduduk di dalam kawasan Parlimen Pulau yang berkecukupan tetapi masih belum memohon BR1M agar segera berbuat demikian sebelum tarikh tutup permohonan iaitu pada 10 Februari ini.

Di KUALA LUMPUR, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk Raja

Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata sokongan kaum Cina terhadap BN khususnya di Parlimen Lembah Pantai kini semakin meningkat.

Raja Nong Chik berkata perjuangan politik BN yang tidak memberi tekanan serta memburukkan individu tertentu menjadi faktor penarik utama kaum Cina kembali menyokong BN.

"Kita tekankan semangat 1Malaysia, semangat kebaikan serta semangat perpaduan dalam perjuangan politik, semangat tersebut telah kita gunakan sebagai landasan untuk memberi kejayaan pada masa lepas serta akan terus beri kejayaan pada masa akan datang," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyampaian Sumbangan Tahun Baru Cina kepada warga emas di Taman Seri Sentosa.

Pada majlis itu seramai 400 orang warga emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU) di kawasan Lembah Pantai telah menerima sumbangan dalam bentuk hamper dan ang pau.

Raja Nong Chik berkata bukan sahaja pada program pada hari ini tetapi pada program-program lepas kelihatan kesedaran daripada kaum Cina atas komitmen BN kepada mereka telah mula bertambah.

"Paling penting mereka sudah sedar keikhlasan BN dan kita sangat mengharapkan mereka (kaum Cina) terus memberi sokongan kepada BN," katanya.

Raja Nong Chik yang juga Pengerusi BN Lembah Pantai membidas sikap pemimpin pembangkang terutama di kawasan itu yang hanya tahu mengkritik dan memburuk-burukkan kerajaan tetapi tidak melakukan apa-apa untuk penduduk di kawasan yang diwakilinya.

"Umpamanya apabila kita berjaya dapatkan peruntukan untuk mengecat Flat Taman Seri Sentosa dan membina Terminal Sejahtera di sini, mereka mendakwa itu adalah hasil daripada desakan mereka," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=640184>